

SIARAN MEDIA

KONTRAKTOR PROJEK MRT HUBUNGI PIHAK BERKUASA SERTA-MERTA SEJURUS KEJADIAN

***Pemilik Projek menafikan kenyataan bahawa pihak
Bomba tidak dimaklumkan kejadian***

Kuala Lumpur, 28 Februari 2015: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin memberi penjelasan dan menafikan dakwaan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat bahawa mereka tidak dimaklumkan mengenai insiden di Portal Semantan.

Dalam artikel yang disiarkan oleh The Malaysian Insider pada Jumaat, 27 Februari 2015, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat, Encik Azizan Ismail dipetik sebagai berkata, beliau berasa hairan mengapa MRT Corp tidak memaklumkan pihaknya mengenai kejadian.

Dakwaan juga dibuat dalam laporan itu bahawa pihak Bomba hanya menerima panggilan telefon daripada orang awam untuk memaklumkan kejadian, pada jam 3.00 petang.

MRT Corp ingin menafikan kenyataan ini, kerana kontraktor tapak pembinaan yang terlibat, iaitu Sunway Construction Sdn Bhd telah membuat panggilan kecemasan 999 pada jam 1.38 tengahari, kira-kira 18 minit selepas kejadian berlaku.



"Rekod menunjukkan jurutera tapak yang bertugas pada waktu itu, Encik Syed Asyraf Syed Yahya telah membuat panggilan 999 pada jam 1.38 tengahari.

"Pihak Jabatan Pertahanan Awam tiba di tempat kejadian kira-kira 15 minit kemudian dan memberikan pertolongan cemas kepada mangsa yang terselamat. Mereka juga menghantar pekerja-pekerja yang terlibat ke Hospital Kuala Lumpur," Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Encik Amir Mahmood Razak berkata.

Amir berkata, MRT Corp dan kontraktor pakej kerja yang terlibat sememangnya telah mematuhi Tatacara Pengendalian Piawai (SOP), yang memerlukan makluman serta-merta kepada pihak berkuasa selepas suatu kemalangan berlaku.

Beliau juga menambah, kesemua kontraktor MRT Corp mempunyai Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) yang dilengkapi dengan protokol dan SOP.

"Mana-mana insiden perlu dilaporkan serta-merta melalui emel dan SMS akan dihantar kepada dua kumpulan dalaman.

"Satu kumpulan merupakan kumpulan 'Action' dimana ahli-ahlinya mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan tindakan tertentu sejurus suatu kejadian. Kumpulan yang kedua adalah kumpulan 'For Information' yang sentiasa diberi maklumat terkini berhubung insiden," beliau menjelaskan.

Amir berkata prosedur ini telah dituruti seperti yang sepatutnya, dimana panggilan kecemasan telah dibuat kepada pihak berkuasa serta-merta selepas kejadian malang itu berlaku.

Dalam kejadian 1.20 tengahari itu pada Jumaat, 27 Februari 2015, tiga orang pekerja sedang memasang kerangka besi tetulang di tapak pembinaan Portal Semantan V4, apabila ikatan di antara besi dan kerangka itu terputus. Ini menyebabkan besi-besi itu jatuh ke atas ketiga-tiga pekerja terbabit.

Rijaul mati di tempat kejadian manakala Shanaullah, 37 cedera. Pekerja ketiga, Rozlu Karim terselamat.

Tamat



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Leong Shen-li

012-3196602

leong.shen-li@mymrt.com.my

Amalina Ghazali

016 215 4055

amalina.ghazali@mymrt.com.my

Nadia Azmi

012-2585719

nadia.azmi@mymrt.com.my